

RESOLUSI PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-48 TAHUN 2019 PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA

KAMI, PERWAKILAN, Persidangan Perwakilan Nasional ke-48 (NDC) 2019 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM):

1. Berikrar akan menghormati dan mempertahankan **Perlembagaan Persekutuan** yang merupakan piagam tertinggi negara.
2. **Rukun Negara** adalah ideologi kebangsaan yang perlu diberi penekanan yang sewajarnya dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu dan saling menghormati satu sama lain.
3. Menggesa Kerajaan supaya memastikan **pertumbuhan ekonomi** yang berterusan dan mantap serta pengagihan kekayaan secara adil dan saksama. Pembaharuan yang berterusan dapat memastikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan dan pelancongan yang lebih berdaya saing dan menarik.
4. Menggesa Kerajaan supaya menangani **isu kenaikan kos sara hidup** yang ketara secara menyeluruh dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meringankan bebanan ke atas rakyat; ini termasuk mempertingkatkan struktur gaji yang sedia ada untuk menambah pendapatan individu dan isi rumah serta memastikan rakyat menerima gaji yang berdaya saing dan memuaskan.
5. Menggesa Kerajaan supaya mengembalikan semula **cukai barangan dan perkhidmatan (GST)** pada kadar yang lebih rendah iaitu tiga peratus, pemberian subsidi dengan memastikan barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan adalah berpatutan, serta menghapuskan cukai yang membebankan rakyat.
6. Menggesa Kerajaan supaya memastikan penawaran **rumah mampu milik** adalah mencukupi dengan menggiatkan lagi projek rumah mampu milik. Kerajaan juga perlu mengawal spekulasi hartanah yang menyebabkan kenaikan harga rumah mendadak yang tidak sihat.

7. Menggesa Kerajaan supaya mempercepatkan usaha **menunaikan janji-janji pilihan raya umum** sepertimana yang dinyatakan dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 :
 - a. Menghapuskan kutipan tol;
 - b. Mengembalikan semula pilihan raya kerajaan tempatan;
 - c. Meningkatkan kadar gaji minima kepada RM1,500 sebulan ;
 - d. Desentralisasi kuasa kepada Sabah dan Sarawak;
 - e. Menghapuskan undang-undang yang zalim.

8. Menggesa Kerajaan dalam mengenal-pasti solusi yang terbaik dan mengiktirafkan **Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC)**. Ia selaras dengan janji manifesto Pakatan Harapan dan permintaan orang ramai terutamanya Masyarakat Cina.

9. Menggesa Kerajaan supaya mempertingkatkan sistem pendidikan negara sebagai langkah persiapan menghadapi **Revolusi Perindustrian 4.0**. Kerajaan mesti menjalankan pembaharuan dan merombak semula sistem kemasukan ke universiti awam bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang didiskriminasi dan memastikan golongan pelajar yang cemerlang mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi awam.

10. Menggesa Kerajaan supaya menarik balik keputusan pengajaran **Khat** dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Seni Khat seharusnya dijadikan sebagai subjek elektif dan bukannya subjek teras supaya pelajar mempunyai ruang yang secukupnya untuk mendalami subjek bahasa yang sedia-ada.

11. Menggesa Kerajaan supaya mengambil usaha berterusan **memelihara dan memulihara alam sekitar** negara daripada diancam kemusnahan; ini termasuk segera menutup kilang Lynas, mengharamkan sepenuhnya import sampah dari negara maju ke Malaysia, mengenakan undang-undang terhadap aktiviti pencemaran air dan udara, serta mewujudkan satu akta baru bagi menyelesaikan masalah jerebu rentas sempadan.

12. Menyeru pihak polis supaya memastikan **penguatkuasaan undang-undang** yang adil dan mengambil tindakan ke atas mana-mana individu atau organisasi yang mengancam keamanan, keharmonian dan kestabilan kita.
13. Menggesa Kerajaan supaya memberikan **perlindungan kepada semua rakyat secara saksama** dan membela kepentingan golongan minoriti dengan peruntukan undang-undang yang ketat, supaya golongan minoriti tidak menjadi subjek penindasan terutamanya dalam sektor pekerjaan dan pendidikan.
14. Menyeru semua parti politik supaya terus mengamalkan **kesederhanaan** dan berhenti memainkan sentimen perkauman.
15. Menyarankan supaya Kerajaan menggubal sebuah **akta baru bagi menjaga keharmonian antara kaum, agama dan etnik**. Akta ini menjaga hak seseorang rakyat daripada ditindas oleh mana-mana orang yang tidak bertanggungjawab yang boleh mencetuskan huru-hara ke atas keharmonian negara.
16. Menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan semula untuk menandatangani perjanjian antarabangsa bagi **Konvensyen Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Kaum (ICERD)** sebagai langkah dan komitmen kerajaan dalam memupuk kesaksamaan di kalangan rakyat Malaysia.

2019 年第 48 届民政党全国代表大会提案

我们，2019 年第 48 届民政党全国代表大会全体代表：

1. 承诺将尊重且维护国家的最高宪章—— **联邦宪法**。
2. **国家原则**是需要给予重视的建国理念，以建立一个团结和彼此尊重的社会。
3. 敦促政府确保**经济持续增长**与财富公平分配。政府的持续改革将确保马来西亚成为更具有竞争力和吸引力的投资和旅游目的地。
4. 敦促政府采取全面和适当的措施解决**生活费大幅增长**的问题，以减轻人民的负担；这包括加强现有的薪酬结构，以增加个人和家庭收入，并且确保人民获得具有竞争力且满意的薪资。
5. 敦促政府重新启动**消费税 (GST)**，并把税率定在较低的 3%，以及提供人民补贴、确保商品价格和服务收费维持在合理水平，并且废除会增加人民负担的税收。
6. 敦促政府推行更多**可负担房屋**计划，以确保拥有足够的住房供应。政府还需要控制导致房价急剧上涨的房地产投机活动。
7. 敦促政府加快**兑现大选承诺**，并按照第 14 届全国大选希望联盟竞选宣言中所述：
 - a. 废除大道收费；
 - b. 恢复地方政府选举；
 - c. 将最低工资提高至每月 1500 令吉；
 - d. 将权力下放给沙巴和砂拉越；
 - e. 废除恶法。
8. 敦促政府找出最佳解决方案并承认**独中统考文凭 (UEC)**，以兑现希望联盟的竞选宣言和承诺，以及满足人民，尤其是华社的要求。

9. 敦促政府改善国家的教育体系，为**工业革命 4.0**做好准备。政府必须进行改革和调整国立大学的招生制度，以确保没有任何马来西亚人受到歧视，同时确保优秀生有机会在国立高等教育学府继续深造。
10. 敦促政府撤回将**爪夷文书法**纳入国民型小学马来文科的决定。爪夷文书法应该列为选修科目，而不是核心科目，以便学生有足够时间专注于现有的语言科目。
11. 敦促政府采取持续努力**保护环境**，确保国家环境免遭威胁性的破坏；其中包括立即关闭莱纳斯工厂、禁止从先进国进口“洋垃圾”、采取法律行动对付造成水源和空气污染的活动，以及制定新法律解决跨境烟霾问题。
12. 呼吁警方**加强公正执法**，并对威胁我们安宁、和谐与稳定的任何个人或组织采取法律行动。
13. 敦促政府以严格的法律规定**为所有公民提供平等的保护**，以及捍卫少数族群的利益，确保少数族群不受压迫，特别是在职场和教育领域。
14. 呼吁所有政党继续保持**中庸之道**以及停止玩弄煽动种族情绪的课题。
15. 建议政府制定一项新法律，以维护种族、宗教和民族的和谐。该法律将保障国民免受任何不负责任者所可能引发的国家混乱和压迫。
16. 呼吁政府重新考虑签署《消除一切形式种族歧视国际公约》(ICERD)的国际条约，作为政府致力于促进马来西亚人民之间相互平等的举措和承诺。